

15 NOV 2000

APEC-MAHATHIR

APEC: M'SIA INGIN MELABUR DI CHINA BARAT, KATA MAHATHIR

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia ingin melabur di China Barat sekiranya terdapat sebarang peluang di sana.

Katanya Presiden China Jiang Zemin telah mempelawa pelabur-pelabur asing untuk menyertai pembangunan di kawasan tersebut.

"China memberi penekanan kepada pengeluaran makanan untuk rakyatnya, tetapi pada masa yang sama negara tersebut menggalakkan rantau barat kerana rantau tersebut belum begitu maju.

"Jadi China mempelawa penyertaan asing, kami menyatakan sekiranya terdapat mana-mana peluang, kami ingin menyertainya juga," katanya kepada Bernama selepas mengadakan perbincangan singkat dengan Jiang, di acara sampingan sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec), yang dijadualkan bermula petang ini.

Yang turut hadir di pertemuan dua hala itu ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Pesuruhajaya Tinggi Malaysia ke Brunei Wan Yusof Embong, Timbalan Ketua Setiausaha MITI Abdul Razak Ramli dan Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Huang Sin Cheng.

Dr Mahathir, yang tidak pula menentukan jenis pelaburan yang Malaysia berminat, berkata mereka pembincangkan perkara-perkara dua hala dan pengurusan ekonomi sesebuah negara secara am.

"Kami berbincang tentang matawang, mengapa matawang perlu ditetapkan kadarnya. Secara amnya, mereka bersetuju bahawa kita seharusnya menguruskan matawang," katanya.

Dr Mahathir berkata Jiang juga inginkan Malaysia dan China menuruskan hubungan baik antara kedua-dua buah negara dan bahawa Perdana Menteri Zhu Ronji tidak sabar hendak bertemunya semasa mesyuarat Asean bersama tiga rakan dialog di mesyuarat akan datang di Singapura.

Dr Mahathir juga dijadualkan mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Russia Vladimir Putin di sini esok.

-- BERNAMA

AFY FR MA